



PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH ASWARA

Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah ASWARA ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang berkelayakan dan tidak menerima apa-apa pinjaman untuk membiayai yuran pengajian mereka di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AM PERMOHONAN

Syarat-Syarat Permohonan	Keterangan
Kelayakan Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia • Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon
Peringkat Pengajian	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar yang mendaftar pengajian SEPENUH MASA di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) • Terbuka kepada pelajar Pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda pada tahun SATU (1) , DUA (2) dan TIGA (3).
Penajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya pemohon yang BELUM MENERIMA SEBARANG PENAJAAN dari lain-lain penaja layak memohon. • Pelajar yang telah mendapat tajaan (pinjaman/biasiswa) contohnya Yayasan Negeri, PTPTN, JPA, MARA dan sebagainya TIDAK LAYAK MEMOHON.
Pencapaian Akademik	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelajar tahun SATU (1), TIADA syarat pencapaian akademik yang diperlukan KECUALI bagi pelajar tahun DUA (2) dan TIGA (3) disyaratkan memperolehi HPNG 2.00 ke atas bagi keputusan peperiksaan pengajian semasa.
Pendapatan Isi umah/ Ibu Bapa/ Penjaga	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi RM 5,000.00 sebulan.
Tahun Pengajian	<ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada SEMUA pelajar yang layak dan aktif KECUALI pelajar Pengajian Asasi dan Pasca Siswazah.
Salinan Dokumen yang diperlukan dan disahkan	<ul style="list-style-type: none"> • Kad Pengenalan Pemohon, ibu dan bapa / penjaga • Surat Tawaran Kemasukan ke ASWARA • Slip gaji ibubapa / penjaga kepada pemohon. Sekiranya tiada slip gaji, mohon mendapatkan pengesahan pendapatan daripada: <ul style="list-style-type: none"> - Semua pegawai kerajaan Kumpulan Pengurusan Profesional di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun, Pejabat Daerah /IPTA/ Sekolah dan lain-lain. - Pesuruhjaya Sumpah dan Jaksa Pendamai - Wakil Rakyat / Senator - Penggawa / Penghulu/ Ketua Masyarakat/ Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim/ Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) - Bagi Sabah dan Sarawak–Ketua Kaum/Ketua Anak Negeri

MAKLUMAT PINJAMAN

Peringkat Pengajian	Keterangan
Ijazah Sarjana Muda dan Diploma	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelajar tahun SATU (1), TIADA syarat pencapaian akademik yang diperlukan KECUALI bagi pelajar tahun DUA (2) dan TIGA (3) disyaratkan memperolehi HPNG 2.00 ke atas bagi keputusan peperiksaan pengajian semasa. Pinjaman yang DIBATALKAN akibat kegagalan para peminjam dalam pengajian atau diberhentikan, maka mereka dikehendaki menjelaskan jumlah pinjaman yang diterima termasuk apa-apa kos yang berkenaan.
Iklan Tawaran	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui notis iklan di papan kenyataan di kampus ASWARA • Hebahan melalui portal rasmi ASWARA/emel
Kaedah Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan adalah melalui online URL myPinjaman http://my.aswara.edu.my/eDirectory/pages/mypinjaman2/
Tarikh Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan dibuka: 8 Ogos 2019 hingga 8 Oktober 2019
Panggilan Temuduga	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon yang mengemukakan permohonan lengkap dan layak akan disenarai pendek untuk temuduga. • Temuduga dijadualkan dalam tempoh 2-3 minggu selepas tarikh tutup permohonan. • Panggilan temuduga akan dihantar kepada pemohon melalui surat rasmi. • Pemohon yang tidak dipanggil temuduga dianggap tidak Berjaya.
Kriteria Pemilihan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengisi dan melengkapkan semua maklumat dalam borang permohonan. • Memenuhi semua syarat kelayakan pemohon. • Menghadiri temuduga dan mendapat sokongan panel temuduga melalui pencapaian markah minimum yang ditetapkan. • Permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pinjaman Pendidikan ASWARA. Jawatankuasa ini akan mengeluarkan surat tawaran dan apabila dipersetujui, borang perjanjian akan ditandatangani oleh Pelajar dan juga pihak ASWARA. • Pemohonan yang memenuhi semua Syarat Kelayakan Memohon TIDAK SEMESTINYA ditawarkan pinjaman.
Tawaran Pinjaman	<ul style="list-style-type: none"> • Keputusan tawaran pinjaman akan diumumkan dalam tempoh 2-3 minggu selepas selesai urusan temuduga. • Surat tawaran pinjaman kepada pemohon yang Berjaya akan dihantar melalui surat rasmi.
Jawatankuasa Pinjaman Pendidikan ASWARA	<ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah ASWARA ini ditadbir oleh sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pinjaman Pendidikan ASWARA. • Jawatankuasa ini yang akan menentukan dasar dan syarat-syarat tawaran pinjaman.

BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH

HPNG	Peratus Bayaran Balik (%)
3.75 - 4.0	Layak mendapat pengecualian bayaran balik pinjaman sepenuhnya
3.74 dan ke bawah	100 % dikenakan bayaran balik pinjaman

KADAR PINJAMAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH

Peringkat Pengajian	Kadar Pinjaman
Ijazah Sarjana Muda/Diploma Tahun 1	RM10,500 (RM 1,750 x 6 semester)
Ijazah Sarjana Muda/Diploma Tahun 2	RM 7,000 (RM 1,750 x 4 semester)
Ijazah Sarjana Muda/Diploma Tahun 3	RM 3,500.00 (RM 1,750 x 2 semester)

KAEDAH PEMBAYARAN PINJAMAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH KEPADA PELAJAR

1. Pinjaman akan dikeluarkan secara berperingkat mengikut kaedah pengajian (penggal/semester) yang dijalani oleh pelajar. Pinjaman akan terus dikreditkan ke akaun pelajar setelah ditolak yuran pengajian.
2. Pembayaran akan dibuat sebanyak 2 kali setahun, mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan Pihak Bendahari.